

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

'Nurture for Nature' promosi konsep 3 R  
30 Nov 2010  
Sinar Harian  
Selangor & KL  
N/A  
Daily  
60,000 /

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

Malay  
S28  
252 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
1,386  
4,158



# 'Nurture for Nature' promosi konsep 3R

Semai sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar

**NOOR AINULYAKIN  
MOHAMAD ISHAK**

**PETALING JAYA** – Program *Nurture for Nature* memang bertepatan dengan usaha Kementerian Pelajaran untuk mempromosikan konsep 3R (reduce, reuse and recycle) terutama di sekolah-sekolah.

Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran, Mohd Anuar Abdul Hamid berkata, program kelolaan Tetra Pak Malaysia Sdn Bhd dapat menyemai sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar.

"Selain menyemai sikap tanggungjawab, program ini juga menonjolkan kerja berpasukan dalam kalangan pelajar dan bakal melahirkan pertubuhan kokurikulum untuk menggalakkan lebih ramai murid mengambil bahagian serta mainkan peranan terhadap persekitaran.

"Malah pihak kami sedar bahawa sesetengah sekolah telah pun menubuhkan kum-

pulan yang memfokuskan kepada aktiviti alam sekitar dan ini adalah hasil daripada penglibatan mereka dalam program *Nurture for Nature* pada tahun lepas," katanya.

Beliau berucap pada Majlis *Nurture for Nature* di sini, baru-baru ini yang dihadiri 50 wakil guru dan murid Nature Rangers peringkat akhir setelah lapan bulan aktiviti mengumpul kotak minuman untuk di kitar semula jadi dijalankan.

Pada majlis itu juga, Tetra Pak telah menyumbangkan RM10,000 kepada pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai dana kepada usaha penjagaan dan penyelenggaraan Pusat Penyelidikan Alam Sekitar FRIM (EEC).


Ketua Bahagian Pengurusan Korporat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Norhayati Nordin berkata, FRIM sentiasa mencari cara dan rakan

kongsi untuk melaksanakan program alam sekitar terutama untuk generasi muda.

"Adalah amat penting untuk kanak-kanak memahami isu alam sekitar yang sedang kita hadapi dan belajar untuk menyemai rasa menghargai sumber asli dalam memastikan ia kekal untuk generasi akan datang.

"Sebagai penambahan kepada usaha kitar semula oleh Tetra Pak, FRIM akan berusaha untuk mengurangkan penggunaan *polystyrene* di kampus FRIM mulai tahun 2011 dengan menggalakkan penggunaan bahan-bahan alternatif di kafeteria kami," katanya.

Beliau juga bangga komitmen Tetra Pak dalam menekankan kepentingan untuk kanak-kanak menerima peranan mereka sebagai jaguh alam sekitar di samping menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.



■ Norhayati menerima replika cek RM10,000 daripada wakil Tetra Pak pada majlis berkenaan baru-baru ini.